

Newspaper	Berita Harian
Date	8 January 2016

Belanja peruntukan secara berhemat: PM

BH - 8/1/2016

» Ahli Kabinet diingat tak membazir buat program untuk rakyat

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mengingatkan ahli Kabinet supaya membelanjakan peruntukan yang diberikan kepada kementerian

masing-masing secara berhemat dan bijak.

Peringatan itu diberikannya dalam mesyuarat pertama Jemaah Menteri bagi tahun 2016, semalam.

Program rakyat perlu diterus

“Bagaimanapun, program untuk rakyat perlu terus diadakan dan pastikan program terbabit meninggalkan kesan positif kepada rakyat keseluruhannya, tanpa perlu perbelanjaan yang berlebih-lebihan,” katanya menerusi Facebook.

Sementara itu, di laman Facebook Pejabat Perdana Menteri, Najib menerima kunjungan hormat 10 bakal perwakilan Malaysia ke luar negara

yang baru dilantik.

Mereka terdiri daripada Duta Besar Malaysia ke Perancis, Datuk Ibrahim Abdullah, Mohd Zamruni Khalid (Vietnam), Chuah Teong Ban (Peru), Tajul Aman Mohamad (Romania), Norlin Othman (Sweden), Chitra Devi Ramiah (Timor Leste).

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Datuk Ghulam Jelani Khanizaman, Aminah Tun A Karim (Kanada), Nur Ashikin Mohd Taib (Bangladesh) dan Hishamuddin Ibrahim (Namiibia).

Datuk Adeline Leong pula dilantik sebagai Presiden Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia (MFTC) Taiwan.

“
Bagaimanapun, program untuk rakyat perlu terus diadakan dan **pastikan program terbabit meninggalkan kesan positif kepada rakyat keseluruhannya, tanpa perlu perbelanjaan yang berlebih-lebihan**”

Najib Razak,
Perdana Menteri